

26/02/2001

Prinsip ikut acuan Pas boleh berubah-ubah

PAS menggambarkan dirinya sebagai parti yang berpegang kuat kepada prinsip. Pendek kata, pada mereka, banyak perkara lain yang boleh dikompromi, tetapi soal prinsip tidak sekali-kali. Atas pegangan itulah, sebagaimana yang menjadi modal dalam ceramahnya, tiga tuntutan yang dibuatnya sebagai prasyarat untuk memenuhi pelawaan Umno duduk berbincang, tidak ada galang ganti. Sebagaimana hujah Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, dalam temu bual dengan Berita Minggu semalam, partinya akan terus bertegas dengan syarat berkenaan kerana ia membabitkan soal prinsip. Jika benar demikian, maka boleh disimpulkan bahawa prinsip Pas ialah Umno perlu lebih dahulu tunduk kepada kehendak parti itu. Soal lain, pada mereka, tidak penting asalkan syarat-syarat Pas dipenuhi.

Dari awal, pelawaan Umno ialah untuk berbincang soal perpaduan Melayu. Pas yang menuntut ia diperluaskan meliputi perpaduan nasional dan ini dipersetujui Umno. Ia terus berubah kepada isu nasional pula dengan Pas memilih untuk menggugurkan terus soal perpaduan. Pendirian yang berubah-ubah dan bercakap ikut sedap mulut ini juga mungkin sebahagian prinsip Pas. Samalah juga dengan hujah parti itu terhadap pentingnya berpegang kepada janji. Atau lebih tepat lagi perlunya orang lain mengotakan janji sedangkan Pas terkecuali. Barangkali kerana itulah, kepimpinan Pas seronok mempersendakan Umno dalam majlis ceramahnya di mana-mana, termasuk Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang sebelumnya mencadangkan 'gencatan mulut' demi kebaikan kedua-dua pihak.

Sehingga kini, kepimpinan Umno mengelak untuk bertindak balas biarpun modal untuk memperlekehkan Pas sebenarnya amat banyak. Daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri hinggalah kepada ahli Majlis Tertinggi (MT), masing-masing mengelak daripada memburukkan keadaan. Sebabnya ialah Umno masih berharap agar pertemuan yang dicadangkan ini, dapat diadakan. Selain memberi satu atau dua pengajaran untuk diteladani Pas, Umno menyerlahkan hakikat bahawa soal perpaduan Melayu yang ingin dibincangkannya, mendahului senarai keutamaan. Apabila sudah duduk semeja berbincang, banyak perkara yang boleh dibangkitkan. Itulah keikhlasan yang ditunjukkan Umno, bukannya tunduk kepada apa saja tuntutan sebelum berbincang, apatah lagi daripada pihak yang jelas tidak ikhlas. Apakah sesuatu yang dibuat atas paksaan boleh ditakrifkan ikhlas?

Perbandingan turut dibuat di antara media perdana yang menghentam Pas dengan majlis ceramah yang menjadi forum buat parti itu memberi penerangan kepada rakyat. Kritikan berkenaan sebenarnya adalah pendirian media berkenaan sendiri, sama ada menerusi lidah pengarang atau pelbagai komentar, dan bukan kenyataan pemimpin Umno seperti yang diandaikan oleh Pas. Lagipun, tiada sebab untuk Pas berasa hati sedangkan lidah rasminya, Harakah, tidak pun pernah memuatkan sesuatu yang baik mengenai kerajaan atau Umno. Perangkaan polis pula menunjukkan kira-kira 4,000 permit dikeluarkan untuk ceramah pembangkang tahun lalu. Anehnya, Pas kerap mengadakan ceramah tanpa permit serta menyalahkan polis yang menguatkuasakan undang-undang dengan menyuraikannya. Mungkin Umno juga wajar merenungkan semula apakah perbincangan ini masih perlu pada ketika ia perlu banyak bertolak-ansur sedangkan Pas tetap tidak berganjak daripada prinsip dan keikhlasan mengikut acuan mereka.

(END)